



جَبَاتَانْ هَالْ اَهْوَالْ اِغَامَا اِيسْلَامْ نَغِيرِي سَابَاهْ

JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

اَخْطَبُ النَّاسَ اَلْجُمُعَةَ

KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

03 MUHARRAM 1448H/19 JUN 2026M

"BAPA: PENGEMUDI BAHTERA KELUARGA MENUJU SYURGA"

Disediakan oleh:

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

Arahan kepada (PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU) :

- » Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi Khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- » Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu Khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- » Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Kariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- » Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- » Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran dan Hadis yang terkandung di dalamnya.
- » Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 hingga 15 minit sahaja.



Mohon imbas QR
code ini jika ada
sebarang cadangan
penambahbaikan.
Sekian, terima kasih

KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا قُوا أَنْفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا وَقُودُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ عَلَيْهَا مَلَائِكَةٌ غِلَاطٌ شِدَادٌ لَا يَعْصُونَ اللَّهَ مَا أَمَرَهُمْ وَيَفْعَلُونَ مَا يُؤْمَرُونَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا مُحَمَّدٍ، أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

SIDANG JAMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Sesungguhnya ketakwaan merupakan sebaik-baik bekal untuk menghadapi kehidupan di dunia dan menjadi penyelamat ketika bertemu Allah SWT pada hari akhirat kelak.

Khutbah pada hari ini mengajak kita merenung satu amanah yang besar dalam kehidupan berkeluarga, iaitu peranan seorang bapa sebagai pemimpin, pendidik dan pembimbing keluarga. Hakikatnya, hampir setiap jamaah yang hadir pada hari ini adalah seorang bapa, seorang anak, atau kedua-duanya sekali. Bertepatan dengan sambutan Hari Bapa yang akan diraikan pada **21 Jun 2026**, mimbar pada hari ini mengajak kita menghargai jasa dan pengorbanan para bapa, di samping menginsafi tanggungjawab yang telah diamanahkan oleh Allah SWT. Oleh itu, Khutbah pada hari ini mengajak kita menghayati tajuk **"Bapa: Pengemudi Bahtera Keluarga Menuju Syurga."**

JAMAAH JUMAAT YANG DIBERKATI ALLAH SWT,

Keluarga ibarat sebuah bahtera yang sedang belayar merentas lautan kehidupan. Adakalanya lautan tenang dan mendamaikan, namun tidak kurang juga badai dan gelora yang menguji. Dalam pelayaran ini, seorang bapa berperanan sebagai nakhoda yang menentukan arah dan destinasi keluarganya. Jika kemudinya berpandukan wahyu Allah dan sunnah Rasulullah SAW, maka bahtera itu akan selamat menuju pelabuhan kebahagiaan dunia dan akhirat. Namun jika dibiarkan hanyut tanpa panduan, maka keluarga akan mudah terdedah kepada kerosakan akidah, akhlak dan nilai kehidupan.

Firman Allah SWT dalam surah at-Tahrim, ayat 6:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا قُوا أَنْفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا وَقُودُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ...

Maksudnya: *"Wahai orang-orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu daripada api neraka yang bahan bakarnya manusia dan batu..."*

Ayat ini menjelaskan bahawa tanggungjawab seorang bapa bukan sekadar menyediakan keperluan makan dan minum, bahkan memastikan ahli keluarganya mendapat didikan agama, bimbingan akhlak dan perlindungan daripada perkara yang boleh menjerumuskan mereka ke dalam kemurkaan Allah SWT.

MUSLIMIN YANG DIMULIAKAN ALLAH SWT

Pada zaman yang serba canggih ini, peranan seorang bapa tidak lagi terbatas kepada penyediaan keperluan asas seperti makan minum dan tempat tinggal kepada keluarganya semata-mata. Kemajuan teknologi yang berkembang pesat telah membawa pelbagai manfaat kepada kehidupan manusia. Namun demikian, kemajuan tersebut turut membuka ruang kepada pelbagai cabaran dan pengaruh negatif yang boleh mengancam akidah, merosakkan akhlak serta meruntuhkan jati diri anak-anak.

Dalam era teknologi digital dan kecerdasan buatan (AI) yang semakin berkembang, seorang bapa perlu berperanan sebagai **pemimpin digital** dalam keluarganya. Seorang bapa hendaklah mengambil tahu dan sentiasa peka terhadap penggunaan teknologi oleh anak-anak, termasuk

kandungan yang ditonton, individu yang diikuti di media sosial, permainan yang dimainkan serta kandungan yang diakses melalui telefon pintar dan internet. Janganlah kita membiarkan teknologi mendidik anak-anak lebih banyak daripada didikan ibu bapa sendiri.

Sesungguhnya, teknologi hanyalah alat, tetapi yang menentukan arah penggunaannya ialah manusia. Lebih penting daripada itu, seorang bapa perlu memastikan bahawa hubungan keluarganya tidak terputus oleh teknologi. Jangan sampai setiap ahli keluarga berada dalam rumah yang sama, tetapi hati mereka berjauhan kerana terlalu asyik dengan dunia maya. Luangkan masa untuk berbual, makan bersama, solat berjamaah dan mendengar luahan anak-anak. Kehadiran seorang bapa dalam kehidupan anak-anak tidak dapat digantikan oleh telefon pintar, media sosial atau kecerdasan buatan sekalipun.

JAMAAH JUMAAT YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Jika seorang bapa mempunyai amanah untuk memimpin keluarganya menuju keredaan Allah SWT, maka seorang anak pula mempunyai kewajipan untuk menghormati, mentaati dan berbakti kepada bapanya selagi tidak bertentangan dengan syariat Allah. Hubungan antara bapa dan anak bukanlah hubungan yang berdiri atas hak sebelah pihak sahaja, bahkan hubungan yang saling melengkapi antara tanggungjawab dan pengorbanan. Seorang bapa berkorban tenaga, masa dan harta untuk membesarkan anak-anak, manakala seorang anak dituntut untuk membalas jasa tersebut dengan penghormatan, kasih sayang dan doa yang berterusan.

Firman Allah SWT dalam surah al-Isra' ayat 24:

وَأَخْفِضْ لَهُمَا جَنَاحَ الذُّلِّ مِنَ الرَّحْمَةِ وَقُلْ رَبِّ ارْحَمْهُمَا كَمَا رَبَّيَانِي صَغِيرًا ﴿٢٤﴾

Bermaksud: *"Dan rendahkanlah dirimu terhadap mereka berdua dengan penuh kasih sayang dan ucapkanlah: Wahai Tuhanku, kasihanilah mereka berdua sebagaimana mereka telah mendidikku ketika kecil."*

Ayat ini mengajar bahawa berbakti kepada ibu bapa bukan hanya ketika mereka kuat dan mampu berdikari, tetapi lebih-lebih lagi ketika usia mereka semakin lanjut dan memerlukan perhatian serta kasih sayang daripada anak-anak. Sesungguhnya, antara tanda kejayaan seorang anak bukanlah tingginya pangkat atau banyaknya harta, tetapi sejauh

mana dia mampu menggembirakan hati kedua ibu bapanya dan menjadi penyejuk mata mereka di dunia dan akhirat.

SIDANG JAMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Al-Quran merakamkan contoh terbaik seorang bapa melalui kisah Luqman al-Hakim ketika menasihati anaknya. Nasihat Luqman bukan berkisar tentang harta benda, kemewahan dunia atau kedudukan semata-mata, tetapi tertumpu kepada perkara-perkara yang menjadi asas kebahagiaan dan keselamatan hidup di dunia serta di akhirat. Ini menunjukkan bahawa seorang bapa yang berjaya ialah bapa yang memberikan pendidikan rohani dan akhlak yang kukuh kepada anak-anaknya. Antara nasihat Luqman al-Hakim yang wajar dijadikan pedoman oleh setiap bapa ialah:

Pertama: Memelihara tauhid dan menjauhi syirik kepada Allah SWT, kerana akidah yang benar merupakan asas kepada seluruh kehidupan seorang Muslim dan menjadi kunci keselamatan di akhirat.

Kedua: Berbakti kepada kedua ibu bapa, dengan menghormati, mentaati serta mensyukuri segala pengorbanan mereka, selagi tidak bertentangan dengan syariat Allah SWT.

Ketiga: Meyakini bahawa Allah SWT Maha Mengetahui setiap amalan manusia, sama ada yang dilakukan secara terang-terangan atau tersembunyi, walaupun sebesar zarah atau sekecil biji sawi.

Keempat: Mendirikan solat dengan sempurna, kerana solat merupakan tiang agama, sumber kekuatan jiwa dan penghubung utama antara hamba dengan Tuhannya.

Kelima: Melaksanakan amar makruf dan nahi mungkar, dengan mengajak kepada kebaikan, menegaskan kebenaran dan mencegah kemungkaran mengikut kemampuan dan hikmah.

Keenam: Bersabar menghadapi ujian dan cabaran kehidupan, kerana jalan menuju kejayaan dan keredaan Allah tidak sunyi daripada dugaan dan kesulitan.

Ketujuh: Menjauhi sifat sombong, angkuh dan membanggakan diri, kerana sifat tersebut boleh merosakkan hubungan sesama manusia dan mengundang kemurkaan Allah SWT.

Kelapan: Menjaga adab percakapan dan tingkah laku, dengan sentiasa bercakap secara sopan, merendah diri, menghormati orang lain dan menunjukkan akhlak yang mulia dalam kehidupan seharian.

JAMAAH YANG DIMULIAKAN SEKALIAN,

Marilah kita bertanya kepada diri sendiri, bilakah kali terakhir kita mengucup tangan ayah kita, memeluknya dengan penuh kasih sayang dan mengucapkan terima kasih atas segala pengorbanannya? Tidak semua insan diberi peluang merasai kasih sayang seorang ayah. Ada yang kehilangan ayah sejak kecil, ada yang hanya mampu mengenang jasa dan pengorbanannya melalui doa.

Bagi mereka yang masih mempunyai ayah, hargailah peluang yang Allah berikan untuk berbakti kepadanya. Firman Allah SWT dalam surah al-Isra' ayat 23 yang **bermaksud**: *"Dan Tuhanmu telah memerintahkan supaya kamu jangan menyembah selain-Nya dan hendaklah kamu berbuat baik kepada kedua ibu bapa."*

Manakala bagi mereka yang ayahnya telah kembali ke rahmatullah, teruskanlah mendoakan keampunan dan kesejahteraan buat mereka. Rasulullah SAW bersabda yang **bermaksud**: *"Apabila mati seseorang anak Adam, terputuslah amalannya kecuali tiga perkara; sedekah jariah, ilmu yang dimanfaatkan dan anak soleh yang mendoakannya."* (HR Muslim)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي
هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

تيكس خطبة كدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرِ عَظِيمٍ، أَمَرَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:
إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتُهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

آمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالْهُدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصِّحَّةَ الدَّائِمَةَ عَلَى مَلِكِنَا كِبَاوَه دُولِي يَغْ مَهَا مَوْلِيَا سِرِي قَادُوكْ بَكِينْدَا يَغْ دَفَرْتَوَانْ أَكُوغْ وَعَلَى فَخَّامَةِ الرَّئِيسِ الْأَعْلَى تَوَانْ يَغْ تَرَاوْتَامْ يَغْ دَفَرْتَوَانْ نَكْرِي سَابَه.
وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلَدَةَ وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ أَمْنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَءُوفٌ رَحِيمٌ.
اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

Ya Allah, Ya Rahman Ya Rahim, Bantulah saudara-saudara kami yang tertindas di bumi barakah Palestin, dan di setiap pelosok alam yang dicengkam kezaliman.

Ya Allah, jadilah Engkau sebaik-baik Pelindung yang memayungi mereka, Penolong yang mengubati duka lara mereka, dan Penyokong yang meneguhkan langkah mereka.

Ya Allah, timpakanlah azab dan kekuasaan-Mu ke atas para penzalim yang melampaui batas, runtuhkanlah kesombongan mereka, dan goncangkanlah bumi di bawah telapak kaki mereka.

Ya Allah, naungilah kehidupan negeri dan juga negara kami dengan Rahmat-Mu. Hiasilah diri kami dengan sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat yang keji. Satukanlah hati kami dalam menegakkan kebenaran dan mencegah kemungkaran. Perelokkanlah pekerti kami dengan jalinan perpaduan, sentiasa berlapang dada dan mengutamakan sikap tabayyun serta ilmu dalam setiap tindakan .

Ya Qadiyal hajat, jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjamaah, menunaikan zakat, berpuasa pada bulan Ramadan, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redai. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua, Ya Allah tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ
يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

Disediakan dan diedarkan oleh:

Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri
Sabah

Nota:

Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan hadis Rasulullah SAW.
Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi:

Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam
Negeri Sabah

No. telefon: 088-522127

E-mel: jheains.penerbitan@gmail.com